

Kesalahan Juvenil Semakin Kronik

PENGLIBATAN golongan remaja terutama pelajar sekolah sekarang dalam kegiatan tidak bermoral amat membimbangkan. Keadaan ini tambah merunsingkan dengan peningkatan kadar kes jenayah juvenil yang dilaporkan setiap tahun di seluruh negara.

Menurut statistik yang dikeluarkan oleh Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, tahun lalu sahaja sebanyak 3936 kes jenayah juvenil dilaporkan dengan 5996 tangkapan dilakukan di seluruh negara (5393 orang remaja lelaki dan 148 orang remaja perempuan). Kesemua kes ini membabitkan pelbagai kesalahan jenayah melibatkan tiga kategori utama; jenayah kekerasan seperti membunuh, cubaan membunuh, samun menggunakan senjata api, dan rogol; jenayah harta benda seperti pecah rumah, curi motosikal, curi kenderaan, ragut, dan curi dalam bangunan; jenayah lain seperti merusuh, ugutan jenayah, serangan yang menyebabkan kecederaan, persetubuhan luar tabii, dan menjual bahan lucah.

Jumlah semua kesalahan juvenil ini jika dibahagikan dengan 365 hari (jumlah hari dalam setahun) bermakna setiap hari secara purata, 11 kes dilaporkan dengan kira-kira 16 tangkapan dibuat - catatan tertinggi dalam tempoh enam tahun senjak 2000.

Melihat perkembangan dan jenis jenayah juvenil yang dicatatkan pada tahun lalu, kes curi motosikal merupakan kes paling tinggi dilaporkan iaitu sebanyak 922 kes diikuti dengan kes curi kenderaan lain sebanyak 579 kes. Kedua-dua kes ini tertakluk di bawah Seksyen 379 A Kanun Keseksaan. Selain itu, kes pecah rumah turut mencatatkan jumlah yang tinggi dengan 399 kes. Jenayah kekerasan yang paling banyak dilakukan pada tahun lalu ialah serangan yang mendatangkan kecederaan sebanyak 111 kes, diikuti dengan kes ragut sebanyak 104 kes. Pada tahun

lalu kes bunuh yang tertakluk di bawah Seksyen 302 pula mencatatkan 26 kes dengan sembilan kes berlaku di Sarawak, lapan kes di Sabah, tiga kes di Perak, dua kes masing-masing di Kedah dan Selangor, dan satu kes di Terengganu.

Remaja yang terlibat dalam jenayah juvenil ini pada tahun lalu boleh dibahagikan kepada beberapa peringkat umur; empat kes juvenil melibatkan mereka yang berumur tujuh tahun (dua kes), yang berumur lapan tahun (11 kes), yang berumur sembilan tahun (46 kes), yang berumur 10 dan 11 tahun (98 kes), yang berumur 12 tahun (1472 kes), dan yang berumur 16 hingga 18 tahun (4363 kes).

Negeri yang paling tinggi mencatatkan kes jenayah juvenil pada tahun lalu ialah Selangor sebanyak 516 kes, diikuti oleh Kedah sebanyak 431 kes, manakala negeri yang paling rendah ialah Perlis dengan 59 kes. Kuala Lumpur mencatatkan 225 kes.

Pengaruh Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, Datuk Fauzi Saari, yang diemul penulis baru-baru ini berkata, "Jumlah keseluruhan kes jenayah juvenil yang berlaku pada tahun lalu meningkat sebanyak 322 kes berbanding dengan tahun sebelumnya sebanyak 3641 kes, manakala jumlah tangkapan pula meningkat sebanyak 2355 orang berbanding dengan 2004 sebanyak 3641 tangkapan."

Menurut perangkaan yang dikeluarkan oleh Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, dalam tempoh enam tahun (dari 2000 hingga 2005), sebanyak 12 971 kes juvenil dilaporkan dan polis telah menahan 21152 orang remaja yang berumur di bawah 18 tahun. Dari jumlah itu, remaja Melayu merupakan yang paling banyak ditahan - tahun 2000 sebanyak 1883 orang remaja Melayu ditahan, tahun 2001 (1734 orang), tahun 2002 (1535 orang), tahun 2003 (1060 orang), tahun 2004 (3792 orang), dan tahun lalu (4164 orang).

Jumlah remaja Melayu ditahan atas kesalahan jenayah juvenil ini lima kali ganda lebih tinggi berbanding dengan remaja kaum yang lain. Pada 2000, sebanyak 401 orang remaja Cina, 300 orang remaja India, dan 30 orang remaja kaum lain yang ditahan kerana melakukan jenayah juvenil. Tahun 2001, remaja Cina (246 orang),



PENGLIBATAN golongan remaja dalam kegiatan tidak bermoral amat membimbangkan.

remaja India (214 orang), dan bangsa lain (107 orang). Tahun berikutnya, remaja Cina (155 orang), remaja India (179 orang), dan bangsa lain (144 orang). Tahun 2003, remaja Cina (207 orang), remaja India (192 orang), manakala bangsa lain (151 orang). Tahun 2004, remaja Cina (542 orang), remaja India (547 orang), dan bangsa lain (680 orang). Tahun lalu, remaja Cina (508 orang), remaja India (634 orang), dan bangsa lain (690 orang).

"Walaupun jumlah kes juvenil setiap tahun menunjukkan peningkatan, ia masih lagi terkawal. Namun, jika masalah tersebut tidak dibendung, tidak mustahil ia akan menjadi lebih kritikal," kata Datuk Fauzi.

Hal ini berikutan aliran jenayah sekarang semakin membimbangkan daripada berbentuk tradisional pada zaman sebelum merdeka kepada jenayah bersindiket, dan sekarang berkembang menjadi jenayah tanpa sempadan selaras dengan kemajuan sains dan teknologi.

"Ada pelbagai faktor yang mengakibatkan remaja terabit dalam jenayah juvenil, antaranya aspek harga diri, tingkah laku, kepercayaan agama, dan cara menyelesaikan masalah. Remaja ialah individu yang kompleks, personaliti remaja sentiasa berkembang. Oleh sebab itu,



mereka itu merupakan perbuatan jenayah yang salah di sisi undang-undang.

"Memang menyedihkan melihat kanak-kanak yang masih di peringkat sekolah rendah terlibat dalam kes jenayah juvenil. Kita tidak boleh salahkan satu pihak sahaja, kerana banyak faktor yang mendorong mereka melakukan kegiatan tersebut. Oleh sebab itu, ibu bapa dan guru terutamanya perlu memantau sikap yang ditunjukkan oleh kanak-kanak sejak awal lagi," katanya.

Rakyat negara ini beruntung kerana Malaysia mempunyai akta melindungi remaja iaitu Akta Kanak-kanak 2001 yang juga dikenali Akta 611. Sungguhpun akta itu telah berwujud baharu, tingkah laku negatif remaja di negara ini masih ditakuk lama, bahkan lebih dahsyat lagi. Remaja di negara ini tidak takut dengan undang-undang malah tidak menyedari kesan yang akan ditanggung atas kesilapan yang dilakukan.

Menurut statistik Jabatan Penjara Malaysia, sehingga Disember tahun lalu, sebanyak 1294 orang pesalah juvenil sedang menjalani hukuman. Ketua Perhubungan Awam jabatan itu, Supri

(Selangor), Zon Timur di Penjara Marang (Terengganu), dan Zon Selatan di Penjara Simpang Renggam (Johor).

Seperti juga perangkaan yang diberikan oleh polis, jumlah remaja Melayu yang sedang menjalani hukuman di Sekolah Henry Gurney mahupun di penjara mencatatkan jumlah yang tertinggi – sekitar 70 peratus dan selebihnya ialah remaja Cina, India, dan bangsa lain. Mereka kebanyakannya berasal dari kampung yang pendapatan keluarga di bawah RM1000.

"Kira-kira 70 peratus mereka yang ada di sini bersekolah dari darjah satu hingga tingkatan tiga, manakala 15 peratus lagi tidak bersekolah, dan selebihnya sekolah menengah atas," jelas Supri. Walaupun berada di dalam penjara, pesalah juvenil ini tetap melalui empat peringkat modul pembangunan insan seperti yang dilalui oleh mereka yang ditempatkan di Sekolah Henry Gurney.

Peringkat pertama yang perlu dilalui ialah modul pembinaan disiplin selama tiga bulan, peringkat kedua pengukuhan sahsiah selama enam hingga 12 bulan, peringkat ketiga pembinaan kemahiran, dan peringkat keempat, modul kemasyarakatan.



PENGARUH gaya hidup bebas dari Barat semakin menular dalam kalangan remaja di Malaysia.

pendekatan yang digunakan untuk mengatasi masalah sosial remaja ini mestilah bersifat bersepadu dan berkesinambungan," ujar Datuk Fawzi lagi.

Beliau yang merujuk statistik tahun lalu berkata, kanak-kanak berumur seawal enam atau tujuh tahun yang baru mengenal huruf telah berani melakukan jenayah. Katanya, kanak-kanak tersebut mungkin tidak sedar perkara yang dilakukan oleh

Hashim, ketika dihubungi penulis menyatakan sebanyak 478 orang daripada pesalah juvenil ini ditempatkan di empat buah Sekolah Henry Gurney yang terletak di Teluk Emas (Melaka), Batu Gajah (Perak), Kota Kinabalu dan Keningau (Sabah). Manakala selebihnya ditempatkan di dalam penjara mengikut zon, iaitu Zon Utara di Penjara Sungai Petani (Kedah), Zon Tengah di Penjara Kajang

"Ada pelbagai faktor yang mengakibatkan remaja terbabit dalam jenayah juvenil, antaranya aspek harga diri, tingkah laku, kepercayaan agama, dan cara menyelesaikan masalah.

Dalam peringkat ketiga, mereka diberikan latihan berbentuk kemahiran iaitu latihan vokasional dan diberikan sijil setelah berjaya menamatkan latihan. Sementara itu, bagi pesalah yang ingin menyambung pelajaran dengan mengambil peperiksaan sama ada peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), atau Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM), penekanan pendidikan itu akan diberikan dalam tempoh tersebut.

Pada 2001, bagi peperiksaan PMR, 45 orang calon telah lulus daripada 54 orang calon yang mengambinya. Bagi peperiksaan SPM pula, 38 orang calon



PERSEKITARAN sosial yang baik memberikan implikasi positif terhadap perkembangan personaliti kanak-kanak.

Jadual 1 Perangkaan Penglibatan Juvana dalam Jenayah Mengikut Pecahan Umur: Tahun 2004-2005

NEGERI	JUMLAH KES		UMUR						JUMLAH TANGKAPAN	
			7-12		13-15		16-18			
	2004	2005	2004	2005	2004	2005	2004	2005	2004	2005
PERLIS	81	59	9	0	45	54	61	64	115	118
KEDAH	400	431	19	31	189	207	409	483	617	721
P. PINANG	271	303	13	16	119	94	313	302	445	412
PERAK	298	336	6	1	106	61	289	404	401	466
KUALA LUMPUR	217	251	31	5	113	50	210	289	354	344
SELANGOR	453	516	11	12	118	117	482	552	611	681
N.SEMBILAN	93	177	11	1	75	44	129	226	215	271
MELAKA	103	125	5	11	79	59	124	160	208	230
JOHOR	324	248	5	7	123	105	372	221	500	333
KELANTAN	282	341	14	11	130	142	289	354	433	507
TERENGGANU	241	345	6	4	83	128	307	441	396	573
PAHANG	252	196	2	34	76	167	184	216	262	417
SABAH	327	286	19	17	110	115	364	290	493	422
SARAWAK	299	322	10	11	135	129	366	361	511	501
JUMLAH	3641	3936	161	161	1501	1472	3899	4363	5561	5996

daripada 45 orang calon yang mengambil peperiksaan itu telah lulus. Tahun 2002 mencatatkan kelulusan 51 orang calon daripada 53 orang calon yang mengambil peperiksaan PMR. Dan 21 orang calon daripada 30 orang calon yang mengambil peperiksaan SPM berjaya lulus. Tahun berikutnya, dalam peperiksaan PMR yang lulus sebanyak 41 orang calon daripada 42 orang calon yang mengambilnya, bagi peperiksaan SPM pula sebanyak 26 orang calon daripada 29 orang calon yang mendudukinya berjaya lulus. Pada 2004, kesemua 50 orang calon yang mengambil peperiksaan PMR telah lulus, manakala peperiksaan SPM mencatatkan 36 orang calon yang lulus daripada 39 orang calon yang mengambilnya. Manakala pada tahun lalu, dalam peperiksaan PMR, 31 orang calon daripada 33 orang calon yang mendudukinya berjaya lulus, dan keputusannya peperiksaan SPM hanya akan diketahui pada Mac ini.

Menurut Supri, jika di Sekolah Henry Gurney terdapat guru tetap dalam kalangan petugas yang mengajar mereka, di penjara pula bergantung pada guru sukarela yang akan datang setiap minggu untuk memberikan bimbingan. Mungkin sebab itu rata-rata keputusan peperiksaan mereka tidaklah secemerlang yang diperoleh oleh pelajar di luar yang mendapat kemudahan dan peluang pendidikan yang lebih sempurna. Namun, itulah harga yang terpaksa mereka bayar atas kesilapan yang pernah dilakukan.

"Hanya mereka yang pernah melalui pengalaman berada di dalam penjara atau-

pun di sekolah yang dilabelkan 'sekolah budak jahat' sahaja yang tahu betapa sukaranya melalui hari-hari sebagai pesalah juvenil. Sepatutnya remaja yang berada di luar perlu sedar baik dan buruk setiap perkara yang dilakukan." ujar Supri.

Kanak-kanak tersebut mungkin tidak sedar perkara yang dilakukan oleh mereka itu merupakan perbuatan jenayah yang salah di sisi undang-undang.

Menurut beliau lagi, terdapat juga kes tahanan juvenil yang cuba melarikan diri, tetapi mereka berjaya ditahan semula. Sementara itu pesalah juvenil yang melakukan kesalahan yang berulang setelah dibebaskan hanya berjumlah sekitar satu peratus.

Naib Pengerusi Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (YPJM), Tan Sri Lee Lam Thee, yang dihubungi penulis baru-baru ini, melahirkan rasa bimbang dengan peningkatan pola perangkaan juvenil sejak kebelakangan ini. Beliau menyarankan agar semua pihak perlu bergerak proaktif dalam menjalankan kerjasama bagi menyelesaikan masalah itu.

"Mereka memerlukan suri teladan (*role model*) yang baik dan boleh dijadikan contoh. Perkara yang membimbangkan ialah

jika mereka tersilap memilih suri teladan ini akan membawa mereka ke arah yang tidak sihat," kata beliau.

Beliau turut melihat kecenderungan remaja terlibat dengan keganasan sekarang perlu diberi perhatian serius oleh semua pihak. Keberanian mereka bertindak agresif seperti bergaduh dan sanggup membunuh untuk menyelesaikan masalah tidak boleh diambil mudah. Selain itu bapa yang memainkan peranan penting mengawal pergerakan anak-anak, kerajaan juga menurut beliau harus bertindak membendung kemasukan filem luar, permainan video, malah program kartun yang memaparkan unsur-unsur ganas.

Aktivist sosial itu turut berkata, YPJM yang menumpukan usaha pendidikan dan pencegahan cuba mencari punca masalah sosial remaja ini secara terperinci, seterusnya mencari penyelesaian terbaik jangka pendek dan panjang untuk menyelesaikan masalah tersebut.

Walaupun masih belum menampakkan petanda positif pengurangan kes tersebut, usaha YPJM tidak terhenti setakat di situ sahaja. Usaha sedang dilakukan bagi menggerakkan 60 peratus daripada 1500 buah Kelab Pencegahan Jenayah (KPJ) yang dikesan tidak aktif di sekolah-sekolah seluruh negara.

"Mengam sambilan yang kami terima sekarang amat mengecewakan, mungkin kerana tidak banyak aktiviti yang dijalankan, tetapi kita akan cuba gerakkannya dengan pelbagai program yang menjurus kepada meningkatkan disiplin pelajar," kata Tan Sri Lee. ■

Jadual 2 Perangkaan Penglibatan Juvena dalam Jenayah Mengikut Pecahan Kaum dan Jantina Tahun 2004-2005

NEGERI	KAUM																JUMLAH TANGKAPAN	
	MELAYU				CINA				INDIA				BANGSA LAIN				2004	2005
	2004	2005	2004	2005	2004	2005	2004	2005	2004	2005	2004	2005						
	L	P	L	P	L	P	L	P	L	P	L	P	L	P	L	P		
PERLIS	106	5	77	1	1	0	31	1	3	0	5	1	0	0	2	0	115	118
K EDUH	537	4	651	2	28	0	7	0	46	1	57	0	1	0	4	0	617	721
P PINANG	249	6	220	11	104	6	100	8	76	3	73	0	1	0	0	0	445	412
PERAK	265	11	280	7	22	1	52	1	96	2	119	3	4	0	4	0	401	466
K. LUMPUR	256	11	208	13	43	8	38	2	31	0	79	0	5	0	4	0	354	344
SELANGOR	359	12	435	13	57	1	50	0	176	1	169	1	5	0	13	0	611	681
N.SEMBILAN	147	1	152	8	30	3	53	0	33	1	46	5	0	0	6	1	215	271
MELAKA	164	3	205	4	20	0	10	0	18	1	11	0	2	0	0	0	208	230
JOHOR	343	10	247	3	96	6	49	1	38	4	32	0	3	0	1	0	500	333
KELANTAN	427	4	502	1	1	0	0	0	0	0	0	0	1	0	4	0	433	507
TERENGGANU	389	5	533	3	1	0	13	0	1	0	1	0	0	0	3	0	396	573
PAHANG	206	18	355	5	16	4	25	0	16	0	31	0	2	0	1	0	262	417
SABAH	21	0	18	5	19	0	19	3	0	0	0	0	434	19	358	19	493	422
SARAWAK	223	10	171	14	17	4	44	1	0	0	1	0	200	3	260	10	511	501
JUMLAH	3692	100	4074	90	509	33	491	17	534	13	624	10	658	22	660	30	5561	5996